

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JANUARI 2024  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 22

### Transformasi ekonomi 2 negara

#### PEMETERAIAN MOU JS-SEZ

# Transformasi ekonomi 2 negara

Oleh Mohamed Farid  
Noh  
am@hmetro.com.my

#### Johor Bahru

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong, semalam menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) antara Malaysia dan Singapura.

MoU itu disempurnakan Menteri Ekonomi Rafizi Ramli dan rakan sejawatnya, Menteri Perdagangan dan Perusahaan Singapura Gan Kim Yong.

Pemeterai MoU JS-SEZ itu dilaksanakan hanya selepas dua bulan Pemukiman Pemimpin Singapura-Malaysia ke-10 pada Oktober lalu.

Ia sekali gus mengukuhkan lagi hubungan yang sudah lama terjalin dan usaha

ke arah perjanjian penuh berkaitan JS-SEZ dan perinciannya akan dilakukan pada Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura ke-11, yang akan diadakan di negara ini.

Sementara itu, Rafizi berkata, JS-SEZ membentangkan peluang ekonomi yang tidak pernah berlaku sebelum ini dengan meningkatkan aliran rentas sempadan dan membabitkan komuniti dan barang, memperkuatkan ekosistem perniagaan serta meningkatkan daya tarikan ekonomi antara Johor dan Singapura.

"Saya mempunyai keyakinan penuh inisiatif JS-SEZ ini adalah permulaan transformasi dalam ekonomi dua negara, memupuk hubungan dan kemakmuran yang tiada tandingan untuk Malaysia dan Singapura," katanya.

Sementara itu, Kim Yong menyifatkan JS-SEZ menggariskan apa yang boleh dicapai antara Singapura dan Malaysia apabila kedua-dua negara saling melengkapi dan bekerjasama rapat.

"Ia akan menjadi jambatan bagi kedua-dua negara untuk memanfaatkan kekuatan satu sama lain dan merebut peluang untuk berkembang bersama. Saya amat menanti pelaksanaan JS-SEZ ini dan faedah untuk komuniti perniagaan dan rakyat kami," katanya.

Selain daripada perjanjian itu, Malaysia dan Singapura juga akan meneroka kerja berkaitan beberapa inisiatif yang akan membina ke arah JS-SEZ termasuk pusat perkhidmatan perniagaan/pelabuhan sehenti di Johor untuk

memudahkan proses permohonan untuk pelbagai kelulusan dan lesen yang diperlukan untuk perniagaan Singapura ditubuhkan di Johor.

Idea penubuhan zon itu pertama kali dicetuskan Rafizi selepas pertemuan dengan kerajaan Johor di Iskandar Puteri pada Mei tahun lalu.

Dua bulan selepasnya, kedua-dua negara bersetuju mengorak langkah lebih jauh dengan menubuhkan pasukan petugas khas untuk mengkaji daya maju penubuhan zon ekonomi khas berkenaan.

Pada September tahun lalu, Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi dilaporkan berkata, penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura itu akan mengambil contoh usaha pembangunan Zon Ekonomi Shenzhen yang berupa merekodkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencencah RM1,93 trilion pada 2021.

“  
ia akan jadi  
jambatan kedua  
negara manfaatkan  
kekuatan satu  
sama lain  
Kim Yong